

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penegasan tentang kepentingan membaca telah dinyatakan dalam wahyu pertama (al-Alaq: 1-5) yang diturunkan ke atas Rasulullah (s.a.w). Ini menggambarkan Islam telah memberi kedudukan yang tinggi kepada aspek membaca sejak seribu empat ratus tahun yang lalu. Ia juga merupakan syarat utama untuk manusia mencapai keilmuan serta kemajuan di dunia dan akhirat.

Dalam konteks pembelajaran sesuatu bahasa pula, kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat aktiviti terpenting, selain daripada kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Penguasaan dalam kemahiran ini memainkan peranan dalam menentukan penguasaan bahasa seseorang.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pada masa ini, ramai ahli psikologi terutamanya ahli psikologi kognitif yang begitu berminat untuk mengkaji proses kefahaman bacaan. Penyelidik-penyalidik seperti Goodman (1971, 1973) dan Smith (1971) misalnya pernah mengutarakan pendapat bahawa membaca adalah satu proses psikolinguistik yang bermula dari detik pembaca

itu memerhatikan perkataan-perkataan di muka surat hingga kepada detik dia membentuk makna di dalam pemikiran. Ini bererti bahawa sepanjang proses itu ada interaksi antara bahasa dan pemikiran. Keadaan ini menunjukkan bahawa ada pertalian yang rapat antara penguasaan membaca seseorang dengan pemahaman apa yang dibaca.

Selaras dengan itu, Fahim bin Mustapha (2001) menegaskan bahawa untuk menjadi seorang pembaca yang baik, perlulah terlebih dahulu menguasai konsep pembacaan seperti mengenali bentuk perkataan, bilangan suku kata dan seterusnya memahami maknanya. Dengan ini, pemahaman seseorang individu akan bertambah berasaskan penguasaan membaca yang baik dan teratur. Pendapat ini menyokong pengalaman penkaji sebagai seorang pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam selama lebih kurang tujuh tahun, mendapati penguasaan membaca teks Arab di kalangan pelajar-pelajar yang bakal menjadi guru kurang memuaskan. Situasi ini pasti mengganggu kefahaman mereka terhadap teks yang dibaca. Hasil daripada masalah yang diutarakan, adalah wajar dijalankan satu penyelidikan tentang penguasaan membaca di kalangan mereka. Penyelidikan ini melibatkan dua bentuk tahap kajian; iaitu tahap pemikiran mereka apabila membaca teks Arab, dan hubungannya dengan tahap pemahaman mereka. Kedua-dua tahap ini penting dalam menentukan penguasaan mereka terhadap bacaan teks Arab.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai empat objektif, iaitu:

- 1) Mengenal pasti tahap pemikiran pelajar terhadap bacaan teks Arab.
- 2) Mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap teks Arab yang dibaca.

- 3) Mengenal pasti hubungan di antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam penguasaan bacaan teks di kalangan pelajar.
- 4) Mengenal pasti hubungan di antara jantina, program, sekolah terakhir dengan tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam penguasaan bacaan teks di kalangan pelajar.

1.4 SOALAN- SOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- 1) Adakah penguasaan para pelajar berada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi?
- 2) Apakah kategori yang dicapai oleh para pelajar pada tahap penguasaan sederhana?
- 3) Apakah kategori yang dicapai oleh para pelajar pada tahap penguasaan tinggi?
- 4) Adakah pelajar melepassi markah purata pemahaman?
- 5) Apakah hubungan di antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman?
- 6) Adakah program yang disertai pelajar mempengaruhi tahap penguasaan mereka?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan tinjauan penulis terhadap kajian-kajian lepas, tidak terdapat pengkaji yang membincangkan secara terperinci terhadap tahap penguasaan membaca bahasa Arab di institut perguruan. Justeru, kajian ini dilaksanakan di salah sebuah institut perguruan di Malaysia; iaitu Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam. Kajian ini amat penting dilaksanakan memandangkan pengamatan penulis terhadap penguasaan

dan kefahaman pelajar terhadap bahasa Arab semenjak bertugas di institut ini agak kurang memuaskan.


Membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting untuk dikuasai sama ada dalam bahasa ibunda atau bahasa kedua atau asing. Tidak lengkap mempelajari sesuatu bahasa itu melainkan seseorang dapat menguasai kemahiran membaca bahasa yang dipelajari. Malah, di Malaysia kemahiran membaca adalah antara objektif utama yang perlu dikuasai dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua memandangkan kemahiran-kemahiran lain kurang dapat dipraktikkan secara meluas (Nik Mohd Rahimi, 1998).

Kepentingan kajian ini dapat dijelaskan lagi dengan termaktubnya tema hari guru bagi tahun 1988; iaitu “ Guru Pengasas Budaya Membaca”. Di samping itu ledakan maklumat pada masa sekarang menuntut para pelajar bakal guru untuk memperolehi maklumat bahan bahasa Arab menerusi laman sesawang dengan mudah.

Daripada hasil bacaan pengkaji juga, kajian dalam kemahiran membaca bahasa arab di kalangan pelajar bakal guru kurang diberi penekanan. Sebagai contoh Nasimah Abdullah (2006) hanya menyatakan permasalahan dalam pembelajaran bagi pelajar Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) di KUIS dan cara mengatasinya sahaja. Manakala Abd. Halim Mohamad (2006) hanya membincangkan antara minat dan sikap pelajar terhadap bahasa Arab yang dilaksanakan ke atas pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. Dalam pada itu, Norazman bin Mohd. Noordin (2006) telah menjalankan kajian bertajuk “ Penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Arab : Satu kajian kes” yang dijalankan hanya untuk pelajar sekolah menengah sahaja.

1.6 KERANGKA KONSEPTUAL

Secara konsepnya kajian ini menilai tahap pemikiran dan pemahaman pelajar terhadap penguasaan membaca teks Arab. Di samping itu juga menilai hubungan keduanya serta boleh ubah selanjar yang lain terhadap penguasaan membaca teks Arab di kalangan pelajar. Ini dijelaskan di dalam kerangka yang ditunjukkan di dalam rajah berikut:



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

1.7 BATASAN KAJIAN

Pembelajaran bahasa adalah satu proses yang melibatkan elemen seperti guru, pelajar dan persekitaran. Kajian ini memberi tumpuan kepada elemen pelajar sebagai pihak yang berautonomi dalam pembelajaran dan tahap pencapaian mereka dalam aspek penguasaan pembacaan bahasa Arab.

Kemahiran mendengar, bertutur dan menulis tidak akan dikaji. Sebaliknya kajian ini hanya menumpukan kepada penguasaan membaca serta kefahaman pelajar terhadap teks bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam. Kajian ini akan dilakukan ke atas 2 tahap program pelajar yang ditawarkan di institut ini. Seramai 135 orang pelajar dikaji. Dua program tersebut ialah PPISMP dan PISMP (IPGM). Bagi program PPISMP, bahasa Arab adalah merupakan minor pengajian mereka. Jumlah mereka seramai 39 orang. Manakala bagi program PISMP (IPGM) sejumlah 57 orang pelajar merupakan major bahasa Arab dan selebihnya iaitu; 39 orang adalah minor bahasa Arab.

Ukuran batasan kajian ini dari sudut tahap pemikiran akan menggunakan pembahagian yang digalurkan oleh Dr. Rushdi Ahmad Tu‘aymah (2006:51) dalam bukunya, *Al-Maha:rat al-Lughawiyyah*. Tahap pemikiran dalam kemahiran membaca yang disebut terdiri daripada tahap rendah, sederhana dan tinggi.

Manakala ukuran dari sudut tahap pemahaman pelajar dinilai daripada kategori-kategori berikut:

- | | |
|--|---|
| <p>1. آلیات القراءة (تعرف)
<i>a:liya:t al-qira:'ah (ta'arruf)</i></p> <p>2. الكفاءة في النحوية
<i>al-kafa:'at an-nahwiyyat</i></p> <p>3. مهارات عقلية أولية (فهم)
<i>maha:ra:t 'aqliyyat awwaliyyat (fahm)</i></p> <p>4. مهارات عقلية وسطى (نقد)
<i>maha:ra:t 'aqliyyat wusta (naqd)</i></p> <p>5. مهارات عقلية عالية (تفااعل)
<i>maha:ra:t 'aqliyyat 'ulya (tafa: 'ul)</i></p> | <div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="flex-grow: 1; margin-right: 10px;"></div> <div style="border-left: 1px solid black; height: 100%;"></div> <div style="text-align: right; font-size: 1.2em;">Rendah</div> </div>
<div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="flex-grow: 1; margin-right: 10px;"></div> <div style="border-left: 1px solid black; height: 100%;"></div> <div style="text-align: right; font-size: 1.2em;">Sederhana</div> </div> |
|--|---|

6. عَادَاتُ الْقِرَاءَةِ وَاهْتِمَامَاتُهَا
 ‘a:da:t al-qira:’ah wahtima:ma:tuha
7. الفَهْمُ الْثَّقَافِيُّ
 al-fahmu al-thaqaifi
- 
- Tinggi

1.8 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini merangkumi satu hipotesis sahaja seperti berikut:

- 1.8.1 Tahap pemikiran tinggi dan tahap pemahaman pelajar mempunyai hubungan yang positif.

1.9 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Beberapa orang penyelidik telah menjalankan kajian membaca dalam pelbagai aspek mengenainya. Kajian yang dilaksanakan dari aspek penguasaan telah dilakukan oleh Raja Mohd Fauzi et. al (1999) yang bertajuk “*The Acquisition of Arabic Reading Comprehension Skills Among Religious Secondary School Students: A Pilot Study*”. Artikel ini menghuraikan satu kajian rintis yang mengkaji tahap kefahaman membaca teks Arab di kalangan pelajar sekolah menengah agama. Kajian ini cuba menghuraikan tahap kefahaman membaca (yakni kefahaman makna leksikal perkataan, kefahaman makna textual perkataan, kefahaman makna literal teks dan kefahaman makna inferensi teks) di kalangan 80 pelajar bahasa Arab di dua buah sekolah menengah agama di Negeri Sembilan. Hasilnya beliau menyatakan hanya 46.7% skor min yang diperolehi menunjukkan tahap kelemahan pelajar memahami teks Arab.

Kajian yang lebih menjurus kepada bidang yang dikaji telah dilaksanakan oleh Norazman bin Mohd. Noordin (2006) bertajuk “*Penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Arab : Satu kajian kes*” . Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Slim River, Perak. Dalam kajian ini mendapati kebanyakan pelajar mempunyai tahap kebolehan membaca yang cemerlang (80%), baik (20%) menurut skala gred pencapaian PMR KBSM. Seramai 27 orang (54%) daripada mereka berada pada skor yang sama atau melebihi min 84.1. Meskipun demikian, mereka didapati lemah dari segi membaca dengan sebutan huruf dan kaedah nahu Arab yang betul.

Kajian membaca dari aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa arab secara keseluruhan telah dilaksanakan oleh Nasimah Abdullah (2006) dalam tajuk kajiannya “*Permasalahan Dalam Pembelajaran Bagi Pelajar Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) Di KUIS Dan Cara Mengatasinya*” . Beliau cuba mendedahkan beberapa permasalahan yang dihadapi oleh pelajarnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk motivasi, bahasa pertuturan harian, asas penguasaan bahasa Arab serta tahap kefahaman pelajar. Hasilnya, beliau menyatakan bahawa asas penguasaan bahasa Arab sedia ada pada pelajar mempengaruhi tahap kefahaman terhadap apa yang dipelajari, tahap kefahaman pelajar kurang akibat kurang penggunaan bahasa Arab semasa kuliah serta kurang membaca punca lemah penguasaan bahasa Arab.

Dalam pada itu kajian telah dilaksanakan di Fakulti Pendidikan Universiti Indonesia dalam bidang ini. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Yulia Anggraeni (2007) secara kajian deskriptif terhadap mahasiswa semester IV program pendidikan bahasa Arab UPI 2006/2007 yang bertajuk “*Hubungan Penguasaan Kosakata Dengan Kemampuan Membaca Pemahaman Teks Bahasa Arab*” . Beliau menyarankan supaya mahasiswa

sentiasa meningkatkan ketramplian penguasaan kosakata supaya mampu membaca pemahaman teks bahasa Arab dengan baik.

Daripada apa yang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji di atas, ianya berkait rapat dengan apa yang ingin dikaji oleh penulis dan kajian yang dilakukan melibatkan pelajar-pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam.

1.10 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan lapangan. Dalam kaedah ini pengkaji menggunakan instrumen kajian yang berbentuk soal selidik serta ujian kefahaman. Maklumat serta jawapan pelajar dianalisis dengan menggunakan program SPSS.

Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Oleh itu, pungutan dan analisis data diambil daripada maklumat serta jawapan responen. Metodologi ini melibatkan tiga elemen penting; iaitu alat kajian, responden dan juga prosedur.

1.10.1 Alat Kajian

Pengumpulan data dilakukan secara:

- (a) Soal selidik

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian :

- i) Bahagian pertama mengandungi 50 item yang terdiri daripada tiga tahap pemikiran pelajar terhadap bacaan teks Arab; iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Ia menggunakan skala Likert yang mengandungi 5 kategori; iaitu amat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan amat tidak setuju.
- ii) Bahagian kedua pula mengandungi maklumat demografi para pelajar.

(b) Ujian kefahaman

Dua teks kefahaman Arab digunakan untuk menguji tahap kefahaman pelajar, diikuti dengan lima soalan berbentuk objektif selepasnya. Dua teks yang berlainan aras digunakan bagi menguji sejauhmana tahap pemahaman pelajar terhadap bahasa Arab. Pelajar tidak dihadkan tempoh tertentu bagi menjawab kesemua soalan.

1.10.2 Responden Kajian

Kajian ini dilakukan ke atas dua tahap program pelajar yang ditawarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam. Seramai 135 orang pelajar bagi kedua-dua program dikaji. Program-program tersebut ialah PPISMP dan PISMP (IPGM).

Pelajar-pelajar PPISMP adalah merupakan pelajar peringkat persediaan yang mengikuti persediaan selama 3 semester di institut. Manakala pelajar-pelajar PISMP (IPGM) merupakan pelajar yang telah lulus persediaan dan akan meneruskan pengajian selama 8 semester untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

1.10.3 Prosedur kajian

Prosedur kajian melibatkan tiga peringkat; iaitu pra uji, pengumpulan data dan juga analisis data.

Sebelum proses pengumpulan data yang sebenar dilakukan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis sebanyak dua kali bagi mengetahui aspek-aspek kelemahan yang terdapat pada alat ukur yang dibina. Setelah mendapati tiada lagi masalah yang timbul dalam memahami soalan, menjawabnya dan memganalisis data, maka sesi pengumpulan data sebenar telah dijalankan.

Sesi pengumpulan data melibatkan proses menjawab 50 soalan serta ujian kefahaman dalam instrumen yang dibina. Ia membabitkan dua kumpulan pelajar; iaitu seramai 39 orang pelajar PPISMP dan 96 orang lagi pelajar PISMP (IPGM). Pengumpulan data ini dijalankan berasingan dan pada hari yang berasingan. Dalam setiap kumpulan, para pelajar mengambil masa kurang daripada satu jam untuk menjawab kesemua soalan yang dikemukakan.

Proses analisis data bermula setelah kedua-dua sesi pengumpulan data selesai. Data mentah yang dikutip dianalisis menggunakan sistem perisian SPSS (*Statistical Packages for the Social Science*) Vol. 11.5.

1.11 RANGKA KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada 5 bab, iaitu:

- a) Bab I - Pendahuluan
- b) Bab II - Tinjauan Kajian Berkaitan
- c) Bab III - Metodologi Kajian
- d) Bab IV - Analisis Data dan Perbincangan
- e) Bab V - Rumusan dan Cadangan

BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

Penulis menjelaskan aspek-aspek asas kajian seperti tajuk, latar belakang, pernyataan masalah, objektif, kepentingan, batasan dan lain-lain.

BAB KEDUA : TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Bahagian ini memaparkan fakta dan sorotan kajian terdahulu dalam bidang yang dipilih. Ini untuk mengelakkan berlakunya pengulangan kajian yang sama. Dalam bab ini, penulis meninjau kajian-kajian yang berkaitan definisi, prinsip-prinsip serta jenis-jenis pembacaan bahasa kedua atau bahasa asing, langkah-langkah pelajar dalam pembacaan teks bahasa kedua serta hubungannya dengan pemahaman mereka terhadap teks yang dibaca.

BAB KETIGA : METODOLOGI KAJIAN

Penulis menerangkan kaedah dan prosedur kajian ini dijalankan. Ia merangkumi kaedah pungutan data, alat yang digunakan untuk mengumpul data, persampelan dan sebagainya. Kaedah penganalisisan data juga diterangkan dalam bab ini.

BAB KEEMPAT : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Setelah data dianalisis, penulis membuat interpretasi terhadap dapatan kajian berdasarkan soalan dan hipotesis kajian.

BAB KELIMA : RUMUSAN DAN SARANAN

Hasil perbincangan dalam Bab keempat penulis membuat kesimpulan dan rumusan. Penulis mengemukakan pandangan dan saranan ke arah meningkatkan tahap penguasaan membaca teks Arab serta pemahaman mengenainya. Seterusnya penulis menutup kajian ini.

1.12 KESIMPULAN

Kesimpulan daripada perbincangan dalam bab ini ialah;

1. Menitikberatkan empat objektif kajian yang dirangka.

2. Batasan kajian hanya tertumpu kepada pelajar PPISMP dan PISMP (IPGM) di IPG Kampus Pendidikan Islam seramai 135 orang.
3. Kaedah kajian adalah berbentuk kajian lapangan sementara metod yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Oleh itu, pungutan dan analisis data diambil daripada maklumat serta jawapan responen.
4. Metodologi yang digunakan melibatkan tiga elemen penting; iaitu alat kajian, responden dan juga prosedur.

